

18/05/2001

Seri Paduka lancar Citrawarna Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan melancarkan Bulan Citrawarna Malaysia di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, pada 26 Mei ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata majlis pelancaran itu dijangka dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, majlis pelancaran itu akan diserikan dengan acara Perarakan Citrawarna Malaysia membabitkan 5,100 peserta dengan tema 'Legenda Malaysia'.

Katanya, perarakan sejauh 1.5 kilometer itu turut diselang-seli dengan 18 persembahan kebudayaan daripada badan kesenian negeri dari seluruh negara.

"Seperti tahun lalu, Bulan Citrawarna ketiga ini akan menjemput kira-kira 1,500 tetamu luar negara iaitu pengusaha agensi pelancongan, wartawan dan krew televisyen," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata, Perarakan Citrawarna Malaysia 2001 akan bermula dari Dataran Merdeka melalui Jalan Raja Laut, Jalan Semarang dan berakhir di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Katanya, sepanjang laluan perarakan, tiga pentas disediakan bagi membolehkan orang ramai melihat persembahan artis tempatan.

"Penganjur juga sedang berusaha menyediakan tangga bertingkat bagi membolehkan orang ramai duduk dan menonton perarakan di sepanjang laluan," katanya.

Beliau berkata, selain perarakan, pelbagai program disediakan sepanjang sambutan itu termasuk Mustika Malaysia, persembahan teater, karnival kraf Malaysia, gema paluan gendang, persembahan kebudayaan dan kesenian rakyat serta karnival rakyat.

Katanya, Bulan Citrawarna diadakan bagi mempromosikan Malaysia kepada pelancong dalam dan luar negara sebagai negara berkarnival, berpesta dan ceria sepanjang masa.

"Ia juga memberi peluang rakyat Malaysia dan pelancong asing menghayati kekayaan kebudayaan serta kesenian negara ini.

"Di samping itu, Malaysia dapat mempamerkan kepada masyarakat luar ikatan persahabatan dan perpaduan yang terjalin kukuh antara kaum di negara ini," katanya.

(END)